

# Hanya satu kes murtad. PM

KUALA TERENGGANU, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta ibu bapa pelajar di luar negara jangan bimbang mengenai anak mereka berikutan laporan 41 wanita Melayu, termasuk pelajar tajaan kerajaan memeluk agama lain kerana berkahwin dengan bangsa asing.

Menurutnya, kerajaan sudah mengkaji dengan cukup teliti laporan mengenai gejala itu dan setakat ini cuma satu kes membabitkan wanita Melayu menukar agama kerana berkahwin dengan bangsa asing di London.

"Kalau kita nak kata tak jumpa, mungkin ada. Kita boleh buat macam-

macam anggapan dan menakutkan diri kita tanpa mendatangkan sesuatu faedah pun," katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Kabinet di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya kemungkinan ada pelajar Melayu tajaan kerajaan yang menukar agama di London walaupun siasatan Kementerian Pendidikan mengenai laporan itu setakat ini gagal menemui bukti sahih.

Di majlis yang sama sebelum itu, Menteri Pendidikan, Datuk Dr Sulaiman Daud, mengumumkan laporan siasatan Jabatan Pelajar Malaysia (MSD) di London berhubung perkara itu yang diterimanya

Khamis lalu.

Dr Mahathir berkata, apa yang penting ialah kerajaan tahu apa sebenarnya berlaku selepas dibuat siasatan terperinci.

"Saya fikir ini penting kerana kalau kita secara tidak meneliti, menerima kenyataan bahawa lebih 40 orang pelajar Melayu tinggalkan agama, banyak ibu bapa akan berasa takut.

"Ini akan membawa kesan buruk kepada pelajaran anak-anak kita. Sebab itu kita kaji dengan cukup teliti dan kita nyatakan setakat ini yang ada cuma satu... Itupun bukan penuntut, jadi tak payahlah kita kluatir," kata Perdana Menteri.